# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 18 OKTOBER 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SARAN PETANI SERTAI LADANG KONTRAK, NASIONAL, SINAR AHAD -38 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2. | SMEs URGED TO VENTURE INTO AGRICULTURE, NATION, SUNDAY STAR -11 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2020 | SINAR AHAD | NASIONAL | 38 |

# Saran petani sertai ladang kontrak

Bagi tingkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini

Oleh SITI FATIHAH AWANG

**JELI**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyarankan lebih ramai petani di seluruh negara menyertai Program Ladang Kontrak untuk meningkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sehingga kini seramai 3,245 peserta ladang kontrak yang berdaftar dengan pelbagai agensi di seluruh negara.

"Untuk hari ini (semalam), di Jeli sahaja kita buat tinjauan di ladang kontrak di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang berjaya mengusahakan tanaman jagung seluas 32 ekar di Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1.

"Peserta yang ada di sini seramai 20 orang dan dianggarkan 321,000 batang jagung dapat dituai sepanjang musim tanaman yang bermula pada 1 Ogos hingga 4 Oktober lalu dengan nilai anggaran jualan sebanyak RM193,000.

"Oleh sebab itu kita galakkan petani ini menyertai program ladang kontrak untuk memastikan mereka dapat memasarkan tanaman mereka sebaik mungkin dan pelbagai agensi yang ada membantu bermula dari proses penanaman sehingga ke peringkat pasaran," katanya di sini semalam.



Che Abdullah (dua dari kanan) melakukan gimik pelepasan lori yang membawa jagung dari Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1 untuk dipasarkan ke seluruh negara di Jeli semalam.

Terdahulu, Che Abdullah meluangkan masa lebih dua jam melawat Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1 di Kuala Balah di sini.

Turut hadir, Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad, Ketua Jajahan Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, Nik Raisnan Daud dan kakitangan FAMA Kelantan yang terlibat.

Mengulas lanjut mengenai ladang kontrak, Che Abdullah berkata, walaupun keadaan semasa kini agak genting dengan penularan koronavirus (Covid-19), namun trend terbaru iaitu pemasaran melalui dalam talian dapat membantu produk-produk tersebut terus bergerak dan sampai kepada pembeli.

Katanya, oleh sebab itu pihak kementerian menggalakkan petani, penternak dan nelayan sentiasa mendapatkan info terkini daripada agensi yang terlibat supaya mereka dapat membantu kumpulan tersebut memasarkan produk yang ada walaupun dalam tempoh penularan Covid-19 kini.

Untuk rekod di Jeli, selain Tapak Projek Program Tadahan Rahmat Jeli 1, dua lagi tapak lain yang terlibat ialah Bendang Kampung dan Bendang Bala yang mana kedua-dua kawasan ini menanam komoditi jagung di keluasan tanah hampir 150 ekar dan mampu menuai 1.5 juta batang untuk setiap musim tanaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2020 | SUNDAY STAR | NATION | 11 |

# SMEs urged to venture into agriculture

**KUCHING:** The Entrepreneur Development and Cooperatives Ministry (Medac) hopes to see more small and medium-sized enterprises (SMEs) in the country venture into the agricultural sector.

Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said as much as 89% of SMEs are currently involved in the service sector and the remaining 11% are involved in agriculture, mining, manufacturing and construction.

"I feel that food production, which is agriculture, is something easier to do for SMEs, especially cooperatives," he said during a press conference after launching the "Niaga Tani Pintar, Jana Income Steady" awareness talk programme yesterday.

He said Medac considered the agricultural sector vital for food security in the future as it will be critical when the world tackles climate change, an issue closely related to food production.

"In such circumstances, I have instructed the ministry to increase the number of SMEs to be involved in the agricultural sector," he said.

Wan Junaidi said that if food production were to be viewed globally, for example in Vietnam, Thailand, China and other countries producing food, specifically rice, many areas that were previously planted with rice have been taken over by other industries.

"This means that areas dedicated to rice planting and other food will continue to reduce. I intend to promote the idea that more Malaysians be involved in the agricultural sector so that we can produce our own food without depending on other countries," he added.

Regarding the programme, he said it was Medac's initiative to create awareness among entrepreneurs and members of cooperatives on how to generate income through modern agriculture using industrial revolution 4.0 technology.

The programme, attended by over 200 cooperative members, touched on the potential of the agricultural sector in Sarawak and the use of technology in efficient agricultural management. — Bernama